

11 OCT 2003

Mahathir-Sains

BELAJAR SAINS UNTUK KUKUHKAN KEPERCAYAAN ISLAM - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa umat Islam supaya mempelajari sains bukan sahaja kerana ia penting bagi survival mereka dalam dunia hari ini tetapi juga bagi mengukuhkan pegangan agama dan keimanan mereka.

"Kita perlu mempelajari sains untuk hidup, bagi melindungi diri kita, untuk menyaingi orang lain (bukan Islam), bukan untuk menentang mereka tetapi sebenarnya bagi memastikan kita diberi peluang untuk hidup seperti orang lain yang berjaya dalam kehidupan," katanya.

Semasa merasmikan makmal mega penyelidikan dan pembangunan pertama Malaysia InventQjaya Sdn Bhd (IQJ) di Cyberjaya dekat sini, beliau berkata melalui proses pembelajaran sains juga memungkinkan umat Islam mendalami agama dan mengukuhkan keimanan terhadap Allah.

Makmal itu, yang direkabentuk untuk mempercepatkan inovasi k-ekonomi bertaraf dunia di dalam negara, ditempatkan di kawasan dengan kemudahan terkini seluas 28,000 meter persegi.

Dr Mahathir juga berkata umat Islam tidak patut bimbang bahawa sains akan melemahkan pegangan mereka terhadap Islam memandangkan ada yang menyifatkannya sebagai sekular.

Umat Islam patut mendalami sains kerana terlalu banyak manfaat yang boleh diperolehi dari subjek itu, katanya.

Sebagai contoh, melalui sains umat Islam boleh mempertahankan diri mereka daripada ancaman yang boleh menghapuskan keseluruhan mereka.

"Seseorang mungkin boleh menggugurkan sebuah bom atom dan menghapuskan kesemua umat Islam. Jadi mereka tidak akan dapat dilahirkan untuk belajar agama dan ke syurga," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan menuntut ilmu dalam sains dan teknologi, seseorang itu boleh maju, meningkatkan kualiti kehidupan dan menjadi sebuah negara lebih besar.

Malaysia sebagai sebuah negara yang bercita-cita tinggi yang mahu menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, perlu, dalam mencapai matlamat ini, menimba ilmu dalam setiap bidang terutama sains dan teknologi, katanya.

Dr Mahathir berkata inilah sebabnya kenapa kerajaan memperuntukkan sejumlah besar wang dalam menubuhkan InventQjaya.

Beliau juga berkata sesetengah idea yang dianggap "tidak masuk akal" pada peringkat awalnya boleh menghasilkan kejayaan yang memberi manfaat kepada manusia akhirnya.

Sebagai contoh, beliau berkata, Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengerusi InventQjaya, Prof Dr Sadeg Faris pernah mencetuskan idea "karut" penghasilan air tawar daripada Laut Mati semasa krisis air di Jordan.

"Dengan idea yang tidak munasabah itu, ia mungkin menghasilkan kejayaan yang boleh kita nikmati. Jadi jangan kita ketawakan sesuatu idea mengarut itu. Biarlah kita cuba dahulu," katanya.

Dr Mahathir berharap InventQjaya akan mengeluarkan penciptaan baru bertaraf dunia untuk meletakkan Malaysia dalam peta dunia di bidang sains dan teknologi.

"Diharapkan sekumpulan rakyat muda negara akan menjadi Einstein Malaysia dalam semangat Malaysia Boleh," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia selalunya ragu-ragu untuk mencuba ciptaan tempatan sebaliknya lebih yakin terhadap hasil ciptaan asing.

Oleh itu, katanya, rakyat Malaysia patut mengeneipkan keraguan dalam

ciptaan tempatan dan bersedia menggunakannya pada bila-bila masa.

Malahan, kerajaan telah menggesa bank dan institusi kewangan supaya membiayai projek penyelidikan yang mempunyai risiko tidak akan berjaya, katanya.

-- BERNAMA

HS SM JM RON